

**FASA 1**  
**STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI**  
**PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : INNOVATION LEARNING CENTRE (*IBNU HAITHAM*)  
**FUNGSI** : BLOCK DAN PUZZLE  
**TAJUK** : TELESKOP

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti.
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	MA 6.3.3	Membuat binaan menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti dan menceritakannya.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Mengenalpasti konsep cahaya dalam binaan teleskop.
		<b>T</b>	Model Teleskop
		<b>R</b>	Mensyukuri deria penglihatan.
		<b>E</b>	Merekabentuk teleskop.
		<b>A</b>	Menghias teleskop mengikut kreativiti.
		<b>M</b>	Konsep pembesaran objek, ukuran skala dan menyusun objek mengikut saiz.
4	<b>OBJEKTIF</b>	Kanak-kanak dapat menghasilkan teleskop dan memahami cara penggunaannya.	
5	<b>BBM</b>	tiga <i>tissue roll</i> kosong, gunting, lembaran aluminium, pelekat bintang dan hiasan, dua kanta (bersaiz kecil dan besar) dan pita pelekat.	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Bekerjasama, bertolak ansur dan sabar.	
7	<b><u>STRATEGI</u></b> 1. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak komponen binaan teleskop. 2. Guru bertanya kanak-kanak tentang teleskop yang ditunjukkan. Contoh: i. Apakah yang dapat dilihat menerusi teleskop? ii. Mengapakah kita perlu mencerap bulan? iii. Bilakah waktu yang sesuai untuk mencerap?		

3. Guru menerangkan cara menghasilkan model teleskop kepada kanak-kanak.
4. Guru membahagikan kanak-kanak kepada empat kumpulan.
5. Guru meminta setiap kumpulan mengambil bahan-bahan untuk membuat teleskop.
6. Guru meminta kanak-kanak melakukan aktiviti berikut bagi menghasilkan teleskop:
  - i. Kanak-kanak mengukur tiga *tissue roll* kosong yang sama panjang untuk bahagian badan teleskop.
  - ii. Kanak-kanak membalut badan teleskop dengan lembaran aluminium dan menghias menggunakan pelekat hiasan (*sticker*) mengikut kreativiti masing-masing.
  - iii. Kanak-kanak meletakkan kanta di kedua-dua bahagian lubang *empty tissue roll*.
  - iv. Kanak-kanak menguji teleskop yang telah dihasilkan.
7. Guru meminta setiap kumpulan mempamerkan dan menceritakan hasil binaan teleskop masing-masing.

**Nota:**

\* Guru boleh menyediakan BBM berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian